



USM UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



PPK 211: MASALAH PEMBELAJARAN

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

DISEDIAKAN OLEH :

ANDI ARNAISAH BINTI ANDI ARNIS (148634)

CHRISALYN BULAN CHRISTOPHER (145719)

NUR IZZATI BINTI AHMAD RADZI (146469)

NOOR IZZATIE BINTI ARIFIN (148082)

DEFINISI MASALAH PEMBELAJARAN

Kanak-kanak yang mempunyai masalah kognitif yang boleh diajar.

Seseorang yang mengalami masalah atau kesukaran untuk pelajari sesuatu.

Kanak-kanak yang tidak dapat mencapai tahap dalam pelajaran sepertimana kanak-kanak lain pada umur yang sama

Kanak-kanak yang mengalami kelewatan perkembangan dan mengalami masalah dalam pelbagai bidang.

DEFINISI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

PENGAJARAN ?

Pengajaran ialah sesuatu tugas dan aktiviti yang diusahakan bersama oleh guru dan muridnya. Pengajaran ini adalah dirancangan guru secara sistematik dan teliti untuk melaksanakannya dengan kaedah dan teknik mengajar yang sesuai, membimbing, menggalak dan memotivasikan murid supaya mengambil inisiatif untuk belajar, demi memperolehi ilmu pengetahuan dan menguasai kemahiran yang diperlukan.

PEMBELAJARAN ?

- Pembelajaran merupakan proses memperolehi ilmu pengetahuan atau kemahiran".
- Mengikut Robert M. Gagne (1970) dalam *The Condition of Learning*, pembelajaran merupakan "perubahan tingkahlaku atau kebolehan seseorang yang dapat dikekalkan, tidak termasuk perubahan yang disebabkan proses pertumbuhan".

Mengikut Woolfolk (1980) dalam *Educational Psychology for Teachers*, pembelajaran dilihat sebagai perubahan dalaman yang berlaku kepada seseorang sebagai potensi yang sanggup menghasilkan tindak balas yang baru.

CIRI-CIRI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

CIRI-CIRI PENGAJARAN

- Terdapat guru dan murid.
- Guru sebagai pengajar dan murid sebagai pelajar.
- Hanya bermakna apabila ada pembelajaran,
- Boleh dijalankan dengan aktiviti berpusatkan guru, murid dan gabungan
- proses yang melibatkan interaksi dua hala.

CIRI-CIRI PEMBELAJARAN

- Satu proses yang berterusan,
- Secara formal dan tak formal, (Secara formal melalui sekolah - membaca, menulis & mengira) (Secara tak formal melalui rakan sebaya, keluarga, media massa, persekitaran)
- Mempunyai teori-teori atau mazhab pembelajaran.

Menggariskan dengan jelas arah pengajaran dan memberi panduan kepada tentang hala tuju pembelajaran tersebut.

Membantu guru mengenalpasti apa yang hendak diajar yang dapat mereka jadikan panduan dalam membuat pemilihan kaedah atau strategi pengajaran-pembelajaran

Memberi asas kepada guru dalam menilai pelaksanaan rancangan pengajaran, keberkesanan pengajaran dan pencapaian (prestasi) pelajar-pelajar

Menyedarkan pelajar-pelajar tentang apa yang diharapkan dicapai oleh mereka pada akhir pembelajaran dan agar mereka lebih peka dalam mempertingkatkan pembelajaran.

OBJEKTIF PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Menyedarkan semua pihak yang terlibat dalam pendidikan bahawa segala aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan itu tidak dilakukan secara sambil lewa atau sewenang-wenangnya.

SINDROM DOWN

- Sindrom Down merupakan penyakit keturunan yang disebabkan oleh berlakunya pertambahan pada kromosom 21.
- Mempunyai 3 kromosom 21 yang sepatutnya hanya ada 2 salinan
- Kanak-kanak yang mengalami Sindrom Down berkemungkinan mempunyai masalah kesihatan yang lain dan keupayaan kognitif mereka lebih rendah berbanding kanak-kanak normal yang lain

- **Faktor:**

1. Genetik (*non-disjunction*, translokasi dan mosaicism)
1. Usia ibu (kualiti ovum, fungsi ovari)

- **Ciri-ciri:**

1. Tubuh yang pendek
2. Raut wajah rata dengan kedudukan mata sedikit ke atas
3. Lidah terjelir
4. Satu garis lurus di tapak tangan, tangan yang besar, jari tangan yang pendek dan jurang yang besar diantara ibu jari dengan jari kedua kaki
5. Pertumbuhan yang lambat
6. Mudah mendapat jangkitan
7. Kesukaran belajar dan bertutur



KAEDAH PENGAJARAN-SINDROM DOWN

- Pelbagai kaedah digunakan untuk mengajar kanak-kanak dengan Sindrom Down. Antaranya ialah;
 1. Kaedah Visual (Verbal SD)
 - Membantu kanak-kanak SD untuk lebih mudah belajar dan membaca
 - Meningkatkan daya ingatan (menggunakan situasi sebenar/autentik)
 2. Kaedah Alat Bantu Mengajar (ABM)
 - Menggunakan ABM yang menarik dan mengikut kemampuan murid
 3. Kaedah mengajar secara berperingkat
 - Dari susah kepada mudah
 4. Kaedah deria
 - Guru menulis di tapak tangan murid dan mereka akan dirangsang deria rasa untuk mencari nombor atau abjad tersebut pada nombor atau tulisan timbul
 5. Kaedah lagu
 6. Permainan



AUTISME



- Autisme adalah kecelaruan perkembangan dari segi neurologi dan jarang sekali dari segi fizikal. Namun, membawa impak teruk terhadap kemampuan komunikasi, tingkah laku dan interaksi seseorang dengan orang sekelilingnya.
- Individu yang menghidap autisme mempunyai ruang lingkup yang kecil kerana imaginasi mereka juga mempunyai had-melakukan sesuatu berulang
- Kanak-kanak lelaki lebih cenderung iaitu 4x ganda berbanding kanak-kanak perempuan

- **Faktor:**

- Masih belum diketahui secara saintifik dan belum terdapat penawar bagi autisme

- **TANDA-TANDA AWAL AUTISME**

1. Tiada atau lemah *eye contact*
2. Tiada tindak balas apabila dipanggil namun mereka bukan pekak
3. Lebih suka bersendiria
4. Sukar memulakan perbualan
5. Rutin dan turutan yang spesifik atau tidak fleksibel
6. Melakukan pergerakan badan yang berulang
7. Mudah terganggu dengan persekitaran akibat sensitiviti deria yang ekstrim atau *sensory-overload* (bunyi, rasa, rupa, bau)
8. Obses terhadap sesuatu objek



KAEDAH PENGAJARAN-AUTISME



- Antara strategi dalam kaedah pengajaran yang digunakan bagi individu autisme ialah;
 1. Strategi meningkatkan kemahiran interaksi sosial, komunikasi dan kemahiran sendiri
 2. Strategi sokongan sendiri
 3. Kaedah pengurusan dan akomodasi persekitaran
 4. Intervensi tingkah laku positif
- Kaedah yang digunakan adalah;
 1. *Picture Exchange Communication System(PECS)- flash cards*
 2. *Applied Behaviour Analysis (ABA)- kurangkan tingkah laku berlebihan*
 3. *Applied Verbal Behaviour (AVB)- bagaimana bahasa berkembang dan situasi tingkah laku verbal wujud*
 4. *Treatment and Education of Autistic and Related Communication Handicapped Children (TEACCH)- verbal kurang, tetapi gunakan kad bergambar dan persekitaran sesuai dengan kanak-kanak*
 5. *Terapi Integrasi Sensori (SI)- bermain dengan pelbagai tekstur sepertitanah liat, duduk di atas bola besar-membantu tingkatkan motor sensori, motor halus dan kemahiran pengurusan diri*
 6. *How to takes turn- mengajar mereka untuk meminta sesuatu dengan beratur, ucap terima kasih: mampu bersabar*
 7. *Kaedah alunan muzik/lagu- melatih kebolehan tindak balas terhadap arahan mudah*
 8. *Konsep pembayang awal- jangan hentikan aktiviti mendadak*

HIPERAKTIF- ADHD

- Dari segi bahasa perubatan, hiperaktif lebih dikenali sebagai *Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)*.
 - ADHD merupakan masalah perkembangan yang berlaku pada kanak-kanak apabila mereka dikenalpasti mempunyai masalah tumpuan dan bersifat sangat aktif pada masa yang sama.
 - Hiperaktif sering dialami oleh kanak-kanak lelaki berbanding perempuan dan simptom dapat dilihat sebelum usia 7 tahun
- **Faktor;**
1. Persekitaran- 9% hingga 20% daripada varians mempunyai simptom mungkin disebabkan terdedah asap roko, alkohol atau plumbum
 2. Genetik- 75% diwarisi bersama faktor lain
 3. Sosial- ketidakfungsian keluarga, kurang pendidikan, situasi anak angkat, keganasan atau penderaan
- **Ciri-ciri;**
1. Tiada/kurang tumpuan (ADD) - tidak berhati-hati, bermasalah dalam mengekalkan tumpuan, mengelak sesuatu yang memerlukan berfikir untuk jangka masa lama, tertarik pada perkara lain
 2. Hiperaktif (ADHD) - selalu menggerakkan tangan atau kaki, bangun ketika perlu duduk, berlari pada masa dan tempat yang tidak sesuai, sentiasa bersikap ingin “pergi”, bercakap berlebihan
 3. Impulsif- cepat baran, menjawab soalan sebelum ditanya, bermasalah ketika menunggu giliran, mengganggu atau mengacau orang



KAEDAH PENGAJARAN- HIPERAKTIF/ADHD

- Bagi kaedah pengajaran kanak-kanak hiperaktif, guru-guru hendaklah mengenalpasti terlebih dahulu jenis bagi hiperaktif yang dialami oleh kanak-kanak. Kemudian sesuaikan dengan kaedah pembelajaran yang selaras dengan kemampuan murid.
- Antara kaedah yang boleh dilakukan adalah;
 1. Pendekatan belajar melalui analisis tugas- bahagi kemahiran kepada beberapa bahagian yang mudah dikuasai murid, latihan konsisten
 2. Belajar melalui bermain- cuba sesuatu yang baru
 3. Pengajaran bertema- harus sesuai dengan persekitaran, tahap murid, situasi berkaitan murid dan peristiwa dan harus dari yang mudah kepada sukar
 4. Belajar melalui pengalaman- berdasarkan kesediaan dan keupayaan individu
 5. Pendekatan kolaborasi- latihan kemahiran kerja, latihan dalaman, latihan melibatkan aktiviti luar kelas atau sekolah, latihan kerja sebenar, aktiviti luar bilik darjah (perkhemahan)
 6. Ganjaran dan hukuman- token ekonomi, time-out



KERENCATAN AKAL

DEFINISI

- ❖ Ketidakfungsian kognitif secara normal yang tidak bersesuaian dengan manusia normal pada individu bawah usia 18 tahun

Evans (1983)

- ❖ Tidak dapat belajar secepat orang yang normal
- ❖ Tidak dapat menyimpan maklumat sebaik mereka yang normal
- ❖ Tidak dapat memahami dengan jelas dan sukar untuk menggunakan maklumat yang diperlukan daripada sesuatu situasi kepada situasi lain

American Association on Mental Retardation (AAMR)

- ❖ Kefungsian intelektual yang tidak selari dengan tingkah laku adaptif yang dapat dilihat sepanjang tempoh perkembangan murid-murid tersebut

KATEGORI KERENCATAN AKAL

ADIOT

- Tidak dapat melindungi diri daripada bahaya fizikal dan mungkin mencederakan diri sendiri

IMBERSIL

- Tidak boleh mengurus diri tetapi masih boleh dilatih

MORON

- Perlukan jagaan, kawalan dan tunjuk ajar khas
- Perkembangan mental hanya 23% daripada biasa
- Lambat berjalan dan bercakap

LEMBAB

- Lambat menerima pelajaran dan sukar sesuaikan diri dengan situasi sekolah biasa

CIRI – CIRI KERENCATAN AKAL

- Kurang koordinasi motor
- Sukar menumpukan perhatian
- Kemahiran membaca dan bahasa yang lemah berbanding dengan mereka yang sebaya
- Sukar mengaplikasi sesuatu yang dipelajari dalam situasi baru
- IQ dibawah 70
- Ketidakupayaan untuk menjalani kehidupan yang normal disebabkan oleh ketidakupayaan berkomunikasi, menjaga diri atau berinteraksi dengan orang lain



KAEDAH PENGAJARAN

Analisis Tugas

- Sesuatu kemahiran yang perlu diajar hendaklah jelas dan dirancang

Penilaian

- Memastikan sama ada sesuatu bahagian kecil itu telah dikuasai atau tidak

Gerak Balas Aktif

- Menentukan sama ada seseorang murid itu terlibat secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran atau tidak
- Setiap gerak balas murid perlulah dicatatkan

Maklum Balas

- Memerlukan maklum balas tentang usaha ataupun tindakan mereka dengan serta-merta

Pemindahan Pelajar

- Sesuatu kemahiran/tingkah laku yang telah dipelajari dapat digunakan dalam situasi yang berlainan

DISLEKSIA

DEFINISI

- ✓ Mereka yang mengalami kesukaran membaca
- ✓ *Dyslexia* berasal daripada gabungan dua perkataan Yunani iaitu *dys* yang bermakna kesukaran ataupun kesusahan dan *lexis* yang bermakna bahasa atau pertuturan. Jika digabungkan ia membawa erti kesusahan atau kesukaran dalam bahasa.
- ✓ Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia juga mendefinisikan murid-murid disleksia sebagai murid-murid yang mengalami masalah pembelajaran yang mempunyai kesukaran atau kelemahan yang tinggi dalam kemahiran mengeja, membaca dan menulis.

Masalah dalam membaca

Masalah dalam menyalin nota


Masalah dalam ingatan

Masalah dalam penomboran

Masalah dalam ejaan

Masalah visual motor

**CIRI - CIRI
DISLEKSIA**



KAEDAH PENGAJARAN

Susunan Fizikal

- Murid - murid disleksia perlu ditempatkan dihadapan kelas

Papan Tulis

- Guru perlu memberi edaran supaya murid-murid itu tidak mengambil masa yang terlalu lama untuk menyalin nota di papan tulis

Pembelajaran di dalam bilik darjah

- Guru menentukan jumlah bahan yang terlibat serta sedalam mana sesuatu topik itu perlu dikuasai oleh murid-murid disleksia

Lembaran kerja / kertas peperiksaan


- Perlulah dirancang dengan teliti dan baris antara tulisan perlu dijajarkan dengan sewajarnya

Tulisan

- Meminta murid menulis nota atau latihan sambil diperhatikan oleh guru

KEPENTINGAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pengajaran dan pembelajaran amat penting bagi memastikan murid berkeperluan khas untuk mendapat hak sama rata dalam mendapatkan pendidikan.





Meningkatkan
keyakinan diri





Meningkatkan
taraf pendidikan
MBK




Kognitif



Meningkatkan
kemahiran sosial



Penguasaan ilmu
pengetahuan




KESAN PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN TERHADAP
MBK MASALAH
PEMBELAJARAN

Personaliti positif

Motivasi diri

Kemahiran sosial

Kemahiran berdikari



PERBEZAAN KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MBK

Program Pendidikan
Inklusif (Penuh)



MBK belajar secara
sepenuh masa bersama-
sama murid arus perdana

Program Pendidikan
Inklusif (Separa)



MBK belajar bersama-
murid arus perdana bagi
mata pelajaran akademik
atau aktiviti kokurikulum
tertentu sahaja

KESIMPULAN

Terbukti bahawa pengajaran dan pembelajaran mampu memberi kesan kepada proses pembelajaran murid berkeperluan khas. Namun murid berkeperluan khas masalah pembelajaran menghadapi kesukaran dalam pembelajaran disebabkan oleh faktor psikologi dan faktor persekitaran. Mereka menghadapi masalah dalam kognitif, akademik, sosial dan emosi serta tingkah laku. Kaedah penaksiran seperti RTI digunakan untuk mengenal pasti masalah pembelajaran



TERIMA KASIH